



## IMBASAN PELAJARAN YANG LALU

**Keindahan zahir** dapat dikesan oleh mata zahir. Sebab itulah mata zahir mencintai keindahan<sup>2</sup> yang zahir.

Contohnya kecantikan rupa paras manusia, keindahan pemandangan, kebagusan rekabentuk kenderaan dan sebagainya.

**Keindahan batin** pula dapat dikesan oleh mata batin (mata hati/deria keenam). Sebab itulah mata batin mencintai keindahan yang batin. Contohnya kecantikan sifat sabar, keindahan sifat ikhlas, kehebatan sifat berilmu, dan sebagainya.

**Apabila kita mencintai orang-orang soleh**, kita bukanlah mencintai fizikal mereka tetapi mencintai kerohanian mereka yang cantik/bagus. Kerohanian yang bagus ini kita mengesannya menggunakan mata rohani kita.

Namun pada hakikatnya, ketika kita mencintai orang2 soleh itu, sebenarnya kita sedang mencintai Allah (sama ada secara sedar ataupun tidak sedar). Hal ini kerana segala kecantikan rohani orang2 soleh itu sebenarnya datang daripada Allah, dirancang oleh Allah, ditentukan oleh Allah, dilakukan oleh Allah, ditetapkan oleh Allah.

Orang yang tahu akan hal ini, maksudnya dia ada pengetahuan tentang hakikat.

Orang yang tidak tahu akan hal ini, maksudnya dia belum ada pengetahuan tentang hakikat.

**Semuanya adalah kerja Allah, termasuklah pencapaian kita. Sebab itulah :**

- i) Ada orang yang tidak dipilih oleh Allah untuk dapat tahu.
- ii) Ada yang dipilih untuk dapat tahu (belajar), tapi tidak dipilih untuk faham.
- iii) Ada yang dipilih Allah untuk faham, tapi tidak diberi-Nya kesedaran.
- iv) Ada yang dipilih untuk dapat kesedaran, tapi tidak dipilih-Nya untuk mendapat amal.
- v) Ada yang dipilih-Nya untuk mendapat amal, tapi tidak dipilih sebagai orang yang memperolehi penghayatan.
- vi) Ada yang dianugerahiNya penghayatan tapi tidak diizinkan-Nya mendapat kemuncak cinta Allah.
- vii) Ada pula orang yang dipilih-Nya untuk mendapat kemuncak cinta Allah.

Oleh itu, langkah utama kita ialah dengan selalu memohon Allah anugerahkan cintaNya kepada kita. Dia sahaja yang mampu memberi, tidak ada selain Dia.

**Semua manusia dianugerahi sayap kerohanian (mata hati, indera ke-6) untuk “terbang ke langit tinggi”. Ada beberapa golongan manusia :**

- i) Golongan yang tidak pernah tahu pun mereka ada sayap kerohanian dan boleh terbang ke langit tinggi.
- ii) Golongan yang dapat tahu, tapi tidak berminat untuk tahu cara-cara menggunakan sayap kerohanian itu.
- iii) Golongan yang tahu dan hendak menggunakannya dan mahu ke langit tinggi, tetapi tidak tahu cara-caranya.
- iv) Golongan yang tahu lalu menggunakannya, tetapi tersesat ke alam lain.
- v) Golongan yang tahu dan betul cara gunanya. Golongan ini dapat pergi ke alam langit tinggi dan menikmati keindahan<sup>2</sup> dan kelazatan<sup>2</sup> di sana, mengikut rezeki masing-masing.

### **PERKONGSIAN UNTUK MALAM INI**

(ms 439) Ada pun **SEBAB YANG KELIMA** bagi cinta itu ialah kesesuaian dan kesebentukan (keserasian). Kerana keserupaan sesuatu itu menjadi tertarik kepadanya. Bentuk kepada bentuk itu lebih cenderung.

Dan kerana itulah ananda lihat anak kecil berjinak hati (mudah untuk berbaik-baik) sesama anak kecil. Orang besar berjinak hati sesama besar. Burung menjadi jinak dengan yang semacam dengan dia dan lari daripada yang tidak semacam. Orang berilmu menjadi lebih berjinak hati dengan yang berilmu itu, lebih banyak dibandingkan dengan orang yang berperusahaan. Tukang kayu berjinak hati dengan tukang kayu lebih banyak daripada berjinak hatinya dengan petani.

Ini adalah keadaan yang disaksikan oleh percubaan. Disaksikan oleh hadis dan atsar, sebagaimana telah kami selidiki lebih jauh pada Bab

Persaudaraan pada jalan Allah dari **Kitab Persaudaraan**. Maka hendaklah dicari daripadanya.

Apabila adalah kesesuaian itu sebab kecintaan, maka kesesuaian kadang-kadang ada dalam erti zahiriyyah. Seperti kesesuaian anak kecil dengan sesama anak kecil dalam erti keanakkecilan. Kadang-kadang erti itu tersembunyi, sehingga tidak terlihat. Sebagaimana yang anda lihat pada persatuan yang telah terjadi kesepakatan di antara dua orang, tanpa memperhatikan keelokan atau mengharap pada harta atau lainnya.

Sebagaimana diisyaratkan oleh Nabi saw kerana beliau bersabda :  
***“Jiwa itu adalah seperti tentera yang dikumpulkan. Maka yang berkenal-kenalan daripadanya, nescaya berjinakan hati. Dan yang bertentangan daripadanya, nescaya timbul perselisihan.”*** (Muslim)

Berkenal-kenalan itu bersesuaian. Dan bertentangan itu ialah perbezaan.

Sebab ini juga **menghendaki akan kecintaan kepada Allah Taala**, kerana kesesuaian batiniyyah, yang tidak kembali kepada keserupaan pada rupa dan bentuk. Akan tetapi kepada makna-makna batiniyyah, yang boleh disebutkan sebahagian daripadanya pada kitab-kitab dan sebahagian daripadanya, tidak boleh dituliskan. Akan tetapi, ditinggalkan di bawah tutup kecemburuan, sampai dapat diketahui oleh orang-orang yang menempuh jalan kepada Tuhan, apabila mereka telah menyempurnakan syarat **suluk (berjalan kepada Tuhan)**.

Maka yang disebut itu ialah dekatnya hamba kepada Tuhannya ‘Azza wa Jalla, pada sifat-sifat yang disuruh ikuti dan berbudi pekerti dengan akhlak ar-rububiyah (budi pekerti keTuhanan). Sehingga dikatakan :  
**“Berakhlakah dengan akhlak Allah.”**

Yang demikian itu, pada mengusahakan sifat-sifat terpuji yang dia itu termasuk sifat-sifat keTuhanan iaitu ilmu, kebajikan, al-ihsan, lemah-lembut, melimpahnya kebajikan, rahmat kepada makhluk, nasihat kepada mereka, menunjukkan mereka kepada kebenaran, mencegah mereka dari yang batil dan yang lain-lain dari sifat-sifat syariat yang mulia.

Semua itu **mendekatkan kepada Allah SWT**. Tidak dengan makna mencari **kedekatan dengan tempat**. Akan tetapi : sifat-sifat.

Ada pun apa yang tidak boleh dituliskan di kitab-kitab, dari kesesuaian khusus, yang khusus anak Adam dengan dia, maka ialah yang diisyaratkan kepadanya oleh firman Allah Taala : ***“Mereka bertanya kepada engkau tentang ruh. Jawablah : Ruh itu termasuk urusan Tuhanku.”*** (Al-Isra : 85)

Kerana Ia menerangkan bahawa itu urusan keTuhanan, yang keluar dari batas akal fikiran makhluk.

Dan dijelaskan dari yang demikian oleh firman Allah Taala : ***“Dan setelah dia sempurna Aku buat, dan Aku tiupkan kepadanya ruh-Ku.”*** (Al-Hijr : 29)

Kerana itulah Aku suruh sujud malaikat-malaikat-Ku kepadanya.

Diisyaratkan kepadanya oleh firman Allah Taala : ***“Sesungguhnya Kami menjadikan engkau khalifah di muka bumi.”*** (Sad : 26).

Kerana tiada mustahak Adam menjadi khalifah, selain dengan kesesuaian itu.

Dan kepadanya dirumuskan oleh sabda Nabi saw :

***“Bahawa Allah menjadikan Adam atas rupanya.”*** (Bukhari)

Sehingga orang-orang yang **pendek pikiran** menyangka, bahwa tiadalah bentuk itu, selain **bentuk zahiriyyah**, yang diketahui dengan pancaindera. Lalu mereka menyerupakan, mentubuhkan dan membentuk. Maha Suci Allah Tuhan semesta alam, dari apa yang dikatakan oleh orang-orang bodoh, dengan kesesuaian yang sebenarnya.

Kepadanya diisyaratkan dengan firman Allah Taala kepada Musa as :  
***“Aku sakit, maka engkau tidak berkunjung kepadaKu.”***

***Musa as lalu bertanya : “Wahai Tuhanku! Bagaimana yang demikian?”***

***Tuhan berfirman : “Telah sakit hambaKu si polan, maka engkau tidak berkunjung kepadanya. Jikalau engkau berkunjung kepadanya, nescaya engkau mendapati Aku di sisinya.”*** (Muslim).

Kesesuaian ini tidak lahir selain dengan rajin mengerjakan ibadah sunat, sesudah teguhnya ibadah wajib.

Sebagaimana Allah Taala berfirman : ***“Sentiasalah hamba itu berdekatan kepada Aku dengan ibadah sunat, sehingga Aku mengasihinya. Maka apabila Aku mengasihinya, nescaya adalah Aku pendengarannya yang ia mendengar dengannya, penglihatannya yang ia melihat dengan dia, dan lidahnya yang ia bertutur dengan dia.”***  
(Bukhari)

Inilah tempat yang wajib digenggam mata pena padanya. Manusia telah tergolong padanya kepada orang-orang yang **pendek akal pikiran**, yang cenderung kepada **penyerupaan dengan makhluk (at-tasyhbih)** yang jelas.

Dan kepada orang-orang yang bersangatan berlebih-lebihan, yang melampaui batas kesesuaian, kepada **bersatu dengan Tuhan (al-ittihad)**.

Dan mereka mengatakan **al-hulul (Tuhan bertempat padanya)**.  
Sehingga sebahagian mereka mengatakan **Ana al-Haqq**.

Berkata sebahagian yang lain dari mereka : “Manusia itu berbaju keTuhanan.”

Golongan yang lain mengatakan ia bersatu dengan Tuhan.

Adapun mereka yang tersingkap baginya kemustahilan keserupaan dan keseumpamaan, kemustahilan al-ittihad dan al-hulul dan terang bagi mereka serta yang demikian, akan hakikat rahsia, maka **mereka ini adalah sedikit**.

Semoga **Abul Hasan An-Nuri** dari maqam ini. Adalah ia memperhatikan ketika kerasnya perasaan pada ucapan orang yang mengatakan :

*Sentiasalah aku menempati,  
Suatu tempat dari kecintaan engkau,  
Hairanlah segala hati,  
Ketika menempatnya.*

Sentiasalah ia berlari-larian dalam perasannya di atas kayu-kayuan rimba, yang telah dipotong batangnya dan tinggallah pokok-pokoknya. Sehingga pecahlah kedua tapak kakiknya dan bengkok. Ia wafat dari yang demikian itu. Dan inilah sebab kecintaan terbesar dan terkuat. Itulah yang termulia, yang paling jauh dan yang paling sedikit adanya.

Inilah yang dimaklumi dari sebab-sebab cinta. Jumlah yang demikian itu menampak pada Allah Taala secara hakiki, tidak secara majazi, pada darjat yang tertinggi, tidak pada yang terendah.

Maka adalah dapat diterima oleh akal, lagi diterima oleh orang-orang yang mempunyai mata hati akan **kecintaan kepada Allah Taala saja**. Sebagaimana bahawa diterima oleh akal, lagi mungkin pada orang buta, akan kecintaan kepada selain Allah Taala saja.

Kemudian, setiap orang yang mencintai makhluk dengan salah satu dari sebab-sebab tersebut, nescaya tergambar bahawa ia mencintai yang lain, kerana kesekutuannya dengan yang lain itu pada sebabnya.

Kesekutuan itu suatu kekurangan pada kecintaan dan kerendahan dari kesempurnaannya.

Tiada bersendirian seorang pun dengan sifat yang disukai, melainkan kadang-kadang terdapat sekutu baginya.

Kalau tidak terdapat, maka mungkin akan terdapat, selain Allah Taala.

Maka sesungguhnya Dia bersifat dengan sifat-sifat itu, yang menjadi penghabisan keagungan dan kesempurnaan. Tiada sekutu bagiNya pada yang demikian, pada kewujudan.

Dan tidak tergambar bahawa ada yang demikian itu suatu kemungkinan. Maka tidak dapat dibantah bahawa tidak ada pada kecintaan kepada Allah itu perkongsian. Tiada berjalan kekurangan kepada kecintaan kepadaNya. Sebagaimana tiada berjalan perkongsian kepada sifat-sifatNya. Dialah yang mustahak. Kerana pokoknya ialah cinta. Untuk kesempurnaan cinta itu, tiada sekali-kali berbagai-bagian padanya. (ms 443)

*\*Semua rakaman (audio/video) Pengajian Kitab Ihya' 'Ulumuddin di Surau An-Nur ini sejak kuliah pertama hingga kali ke-152 boleh diulang dengar/tonton di Youtube. Tuliskan "syarah ihya" atau "kitab cinta ihya".*